

**AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH**

VOLUME 9 ISSUE 1 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

**Copyright Information:**

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

**Publisher Information:**

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



# PERANAN IBU BAPA DALAM MENDIDIK ANAK MASALAH PEMBELAJARAN AL-QURAN

## The Role of Parents in Educating Children with Learning Disabilities in Quranic Education

Nur A'tirah Mohd Anizan<sup>1</sup> & Izuli Dzulkifli\*<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Malaysia

\*Corresponding author: izuli@upm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0901-01>

### Article history

Received:  
28/10/2023

Revised:  
15/11/2023

Accepted:  
28/12/2023

Published:  
30/06/2024

### Abstrak

Dewasa ini, pembelajaran al-Quran semakin berkembang dengan baik termasuk dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Ibu bapa perlu memainkan peranan mereka dalam mendidik anak mempelajari al-Quran. Namun begitu, peranan ibu bapa dalam mendidik anak masalah pembelajaran kurang diberi perhatian. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peranan ibu bapa dalam mendidik anak masalah pembelajaran untuk mendapatkan pendidikan al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Responden yang dipilih dalam temu bual ini ialah seramai 4 orang ibu yang mempunyai anak kategori autism, disleksia, lembam dan sindrom down. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa peranan yang dimainkan oleh ibu bapa sangat membantu mereka untuk mempelajari al-Quran. Penerapan al-Quran dalam diri anak istimewa ini telah memberi kesan yang positif terhadap diri mereka. Hal ini demikian kerana tingkah laku mereka dapat dikawal dengan baik disamping dapat mencungkil bakat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka.

**Kata Kunci:** Pembelajaran al-Quran, Peranan ibu bapa, Masalah Pembelajaran



### **Abstract**

Currently, Quranic education is progressing well, including among people with disabilities. Parents play a crucial role in educating their children about learning the Quran. However, the role of parents in educating children with learning difficulties has been less addressed. This study aims to explore the role of parents in facilitating Quranic education for children with learning difficulties. The study adopts a qualitative approach, employing literature review and interviews as data collection methods. The interview respondents include four mothers with children diagnosed with autism, dyslexia, down syndrome, and intellectual disabilities. The findings reveal that parents' involvement is pivotal in helping their children learn the Quran. Integrating the Quran into the lives of these children has a positive impact, facilitating better behavior management and uncovering their talents bestowed by Allah SWT.

**Keywords:** Learning the Quran, The role of parents, Learning Difficulties

## **PENGENALAN**

Membaca al-Quran merupakan salah satu kewajiban yang wajib dijalankan oleh setiap umat Islam. Amalan membaca al-Quran akan mendatangkan pahala yang berlipat ganda bagi sesiapa yang mengamalkannya termasuklah bagi anak yang kurang keupayaan seperti anak masalah pembelajaran. Asas kemahiran membaca al-Quran dari peringkat kanak-kanak berkait rapat dengan tanggungjawab ibu bapa ke atas anaknya. Setiap ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendidikan al-Quran kepada anak mereka. Hal ini kerana pendidikan al-Quran mencakupi semua pendidikan manusia dalam segala segi hidupnya dan sepanjang usianya. Masalah pembelajaran secara teori berlaku disebabkan oleh defisit dalam keupayaan untuk mewakili atau memproses maklumat dalam satu set kecekapan individu dalam setiap domain (Syed Mohamed 2022).

Murid masalah pembelajaran merujuk kepada murid yang mempunyai masalah khususnya dari segi membaca, mengira dan menulis. Masalah pembelajaran terbahagi kepada beberapa kategori antaranya ialah hiperaktif, autism, disleksia, sindrom down, lambat dan palsi serebrum. Antara ciri-ciri umum yang kebiasaan dialami oleh anak masalah pembelajaran ialah sukar menguasai kemahiran yang bersifat akademik, mempunyai kemahiran sosial yang lemah serta sukar untuk mengawal emosi. Ibu bapa perlu menjadi “*role model*” untuk mengajar anak-anak membaca al-Quran kerana ianya dapat membentuk mereka menjadi anak-anak yang soleh disamping dapat melahirkan akhlak yang terpuji. Oleh itu, ibu bapa sepatutnya meluangkan masa bagi membantu anak menguasai asas membaca al-Quran. Mereka perlu memerhati perkembangan anak sejak dari kecil supaya pembesaran anak berada dalam keadaan yang baik dan mendapat pendidikan yang sepatutnya dimiliki oleh mereka.

### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan al-Quran untuk anak masalah pembelajaran kini kurang diberi perhatian oleh ibu bapa. Kesedaran terhadap kepentingan memberi pendidikan al-Quran adalah kurang disebabkan mereka menganggap anak Orang Kurang Upaya (OKU) adalah satu beban. Mereka tidak menjalankan tanggungjawab yang perlu dijalankan sebagai ibu bapa. Terdapat ibu bapa yang mengalami masalah kesihatan mental, kemurungan dan rasa ingin membunuh diri akibat bebanan yang ditanggung (Sharifah, 2021).

Kebanyakan ibu bapa juga tidak memberi penekanan terhadap pendidikan al-Quran dan hanya menekankan perkara *duniawi* sahaja. Mereka dilihat kurang mementingkan ilmu agama sehingga mereka gagal menguruskan anak dengan cara yang betul. Menurut Ismail et al. (2021),

antara faktor yang menyebabkan remaja-remaja terjebak dengan perkara yang meruntuhkan sahsiah ialah disebabkan kurang didikan agama. Kajian Izzah Nur (2019), turut menyatakan bahawa ibu bapa pada masa kini yang kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak mereka serta ibu bapa yang kurang kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada anak.

Selain itu, halangan terbesar bagi ibu bapa untuk memerhati perkembangan pendidikan al-Quran anak-anak ialah disebabkan kesuntukan masa kerana bekerja. Masa yang terhad menyebabkan ibu bapa terlupa dengan fungsi mereka sebagai penjaga anak-anak terutamanya dalam pendidikan dan membiarkannya tanpa pemantauan yang serius (Yahaya et al. 2020). Pernyataan ini disokong berdasarkan kajian Norlela Ahmad et al. (2021), yang menyatakan sikap kebergantungan ibu bapa kepada pihak sekolah, serta kesibukan mencari rezeki menyebabkan pembelajaran membaca anak mereka terabai. Anak-anak masalah pembelajaran pada masa kini juga tersisih tentang pengetahuan al-Quran menyebabkan mereka di pandang hina. Kajian Farqhan et al. (2022) menyatakan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memberikan intervensi membaca al-Quran kepada anak-anak mereka sebelum masuk ke institusi Pendidikan. Asas pembangunan pendidikan yang berkualiti ke atas setiap ibu bapa adalah menyempurnakan pendidikan al-Quran kepada anak-anak.

Faktor kemiskinan juga boleh menyebabkan kesukaran para ibu bapa dalam menyediakan keperluan serta memberi pendidikan al-Quran kepada anak mereka. Berdasarkan kajian Hashim et al. (2019), kemiskinan keluarga juga mempengaruhi pengabaian dan kecuaiian dalam pendidikan kanak-kanak sehingga mempengaruhi pencapaian sekolah yang turut diakui oleh pelbagai penyelidik di seluruh dunia. Penjagaan warga OKU memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi serta komprehensif, ramai ibu bapa melepaskan penjagaan kepada pihak ketiga seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mahupun kepada badan bukan kerajaan (NGO) (Sharifah, 2021).

Ibu bapa adalah agen utama memainkan peranan penting untuk melaksanakan tanggungjawab mengasuh, mendidik, mengajar serta membimbing anak-anak untuk menjadi pelapis kepada generasi yang cemerlang didunia dan diakhirat. Justeru itu, ibu bapa berperanan menerapkan pengajaran al-Quran kepada anak sejak dari awal. Tanpa pertolongan ibu bapa, proses pendidikan akan mengalami ketempangan. Objektif kajian ini adalah menjelaskan peranan ibu bapa dalam memberi pendidikan al-Quran terhadap anak masalah pembelajaran.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak masalah pembelajaran mempelajari al-Quran. Oleh itu, reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan ialah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada artikel, jurnal dan tesis serta kaedah temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Teknik dan kaedah yang betul diperlukan untuk memperoleh maklumat bagi menyelesaikan masalah yang melibatkan proses membuat keputusan. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Hal ini demikian kerana pengkaji telah menetapkan ciri-ciri tertentu yang layak dipilih sebagai responden kajian.

## **Latar Belakang Responden**

Seramai 4 orang ibu bagi anak Orang Kurang Upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran yang menepati pemilihan kes yang hendak dikaji telah dipilih sebagai responden kajian. Kriteria yang ditetapkan ialah ibu tersebut mempunyai anak kelainan Upaya masalah pembelajaran kategori autism, disleksia, lembam dan sindrom down. Kriteria lain yang dipilih ialah kesemua responden mestilah berasal daripada negeri Pantai Timur sama ada Negeri Terengganu, Negeri Kelantan atau Negeri Pahang. Lokasi ini dipilih kerana menurut kajian Othman et al. (2019), ilmu

pengetahuan Islam berkenaan dengan al-Quran berkembang hebat seiring dengan kemunculan ulama-ulama hebat di negeri Terengganu. Selain itu, kanak-kanak di negeri tersebut juga telah didedahkan dengan Pendidikan al-Quran seawal usia 5 tahun tanpa mengira jenis ketidakupayaan yang dimiliki. Penubuhan institusi seperti pondok, pusat tahfiz dan sebagainya kebanyakan ditubuhkan di negeri-negeri Pantai timur (Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad et al, 2019). Pemilihan lokasi ini juga berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji yang mana kebanyakan ibu bapa di negeri Pantai timur berjaya mendidik kehidupan anak istimewa ini bersama al-Quran. Walaupun mempunyai ketidakupayaan dari segi intelektual dan fizikal, mereka mampu mengenal al-Quran bahkan mewakili sekolah dalam beberapa pertandingan. Sebagai memenuhi ciri kerahsiaan peserta kajian yang terlibat, responden dilabelkan sebagai R1, R2, R3, dan R4. Manakala ciri-ciri demografi responden kajian diringkaskan dalam jadual 1 di bawah.

Responden	Pekerjaan	Tempat tinggal	Kategori Anak	Umur
R1	Guru	Terengganu	Autism	17 Tahun
R2	Suri rumah	Kelantan	Disleksia Minor	18 Tahun
R3	Kerani	Kelantan	Lembam	9 Tahun
R4	Guru	Terengganu	Sindrom Down	19 Tahun

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden kepada kajian ini. Pengkaji merahsiakan beberapa identiti penting para responden dan hanya meletakkan perkara penting di dalam latar belakang responden.

### Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis dapatan kajian. Dapatan daripada temu bual mendapati bahawa terdapat beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa untuk mendidik anak masalah pembelajaran mempelajari al-Quran. Antara peranannya ialah:

a) Mengenalpasti jenis ketidakupayaan yang dimiliki oleh anak

Setiap anak Istimewa mempunyai perkembangan yang berbeza sejak dari kecil. R1, R2 dan R3 dalam temubual menyatakan bahawa mereka menyedari perubahan perkembangan anak mereka semasa sekolah rendah. Ini disebabkan keadaan fizikal mereka yang sedikit berbeza daripada kanak-kanak normal. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Sedar masa tahun 1 sebab awalnya dia boleh bercakap macam kanak-kanak yang lain, boleh mengenal, cuma sikap dan emosi tak boleh nak kawal. Dia jenis tak takut dengan orang sekeliling bahkan boleh duduk dalam gelap. Di sekolah, cikgu bagi arahan dia tak dengar. Cikgu maklum suruh saya jumpa pakar. Masa tu saya tidak percaya sebab yakin anak saya sihat. -R1

Masa tahu tu lambat doh, maso sekolah rendah sebab tengok macam tak logik tahun 2 tak kenal huruf lagi. Menulis pun terbalik macam tertukar c nga o, p dan b. -R2

Sedar masa dia dah besar. Sifat dia macam slow. Dia tu lambat sikit nak faham dan bertindak. Masalah utama dia menulis, dia agak lambat. Tapi kalau membaca dia agak laju. -R3

R1 dan R4 juga mengatakan bahawa dia mengesahkan keadaan anaknya dengan merujuk kepada doktor pakar sebelum mendaftarnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Hasil temubual adalah seperti berikut:

Cikgu cakap anak ada kelainan sedangkan saya rasa dia seperti manusia normal. Tahun 2 baru saya bawa jumpa pakar dan pakar sahkan dia autism dan perlu kepada Pendidikan khas. Lepas tu saya

pergi buat kad OKU dan saya daftar dia di kelas PPKI. Lepastu baru saya nampak dia suka bersekolah. Kalau di sekolah aliran biasa dia cakap budak budak disitu jahat. -R1

Masa sekolah rendah sebab tengok macam fizikal dia lambat berjalan, senyap dan lambat untuk tangkap kalu belajar. Matematik pun yer tak leh nak kira. Sedor tu masa darjah 3. Nak tahu kena masuk Pendidikan khas tu kena jumpa Dr pakar untuk sahkan. Kira lepas dapat surat, baru masuk kelas Pendidikan khas. -R4

b) Sentiasa berinteraksi dengan anak

Setiap anak istimewa mempunyai ragam yang berbeza. Kesemua responden telah menyatakan cara mereka berinteraksi dengan anak selepas mendapat tahu jenis ketidakupayaan yang mereka hadapi. Mereka bercakap dengan nada yang lemah lembut. Berkomunikasi dengan anak istimewa ini semestinya memerlukan kesabaran yang tinggi. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Saya bercakap macam biasa. Cuma saya kena beritahu kepada dia secara berulang. Contohnya bagi arahan hari ni, esok baru dia faham. Kena sentiasa ingatkan. Emosi dia tidak tentu, boleh mengamuk. -R1

Lepas tahu anak kategori disleksia, Mok lebih cakna laa ko dio, cakap dengan berlemah lembut. Kalau nok bagi arahan untuk dia keno ulang banyak kali. Arahan kena jelas beserta contoh. -R2

Macam dia ni budak aktif, kalau bercakap pun kena slow slow. Cakap laa dio keno baca laa al-Quran nanti kat akhirat al-Quran tolong kita. -R3

Cakap macam biasa, Kena kabo slow slow ke yer sebab takut musang (memberontak). Sebab ye buleh je kalu nok suruh wak mende mende macam jemur kain, memasok ke. Lepas ajor tu, perhatikan cara dia buat. -R4

c) Mengetahui pasti sekolah yang sesuai dengan keupayaan anak

Setiap ibu bapa perlu mengetahui sekolah yang sesuai dengan perkembangan anak-anak. R2 menyatakan bahawa dia menghantar anaknya ke sekolah rendah. Selepas itu, anaknya mendapat Pendidikan al-Quran di pondok selepas mengetahui minat anaknya terhadap al-Quran. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Hantar masuk sekolah rendah. Lepas tu baru hantar pergi pondok masa berumur 13 tahun. Dio mendapat Pendidikan di pondok dalam 4 tahun. Sebab dio nampak minat ke arah al-Quran, sebab masa tu pondok tu baru je bukuk dan yuran pun tak mahal. -R2

Manakala R1 dan R4 menyatakan bahawa anaknya berada di dalam Kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) semasa sekolah rendah dan sekolah menengah. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Yaa dia bersekolah sejak sekolah rendah hingga menengah di kelas Pendidikan khas (PPKI), dan mengambil aliran asas urusan. -R1

Haah memang hantar ye gi sekolah demi Pendidikan dia. Kira hidup dia pun teratur. Masa sekolah rendah di SK Gelugur dan masa sekolah menengah SK Seri Nilam -R4

d) Memotivasikan anak dalam pembelajaran al-Quran

Memperkenalkan al-Quran kepada anak merupakan perkara yang perlu dilakukan oleh semua ibu bapa. Ini membolehkan anak tersebut terbiasa apabila mendengar ayat suci al-Quran. Kesemua responden dalam temubual menyatakan bahawa penerimaan awal anaknya terhadap al-Quran sangat positif. Mereka seperti kanak kanak yang normal kerana mempunyai minat terhadap pengajaran al-Quran. Hasil temubual adalah seperti berikut:



Dia seronok, dia minat ke arah agama. Sebab tu dia suka ke masjid. Kalau suruh mengaji dia akan amik telefon untuk dengar ayat al-Quran. -R1

Alhamdulillah penerimaan yang baik dari dia, tidak pernah membantah, suka dan tidak mengamuk. Sedar dio minat al-Quran masa darjah 6, masa nok amik UPSR. Maso tu dia start suko dah ko ngaji, kalu dengar ayat Quran kat masjid pun mudah jaa dio ingat ayat tu. -R2

Dia soronok. Sebab dia boleh mengenal huruf. Jadi tu membuatkan dia nak kenal dengan lebih lagi. Setakat ni dia tidak memberontak. Cuma kita tak leh nok paksa sangat dia. Masa tu dalam umur 5 tahun, waktu Covid-19, kira dia boleh, mengenal dan menyebut. Sebab masa taska pun cikgu dia cakap dia mudah mengenal. Abah dia pun ada ajar kat rumah. -R3

Dia terima macam budak biasa. Macam takde laa marah marah ke. Dia minat baca Quran masa sekolah rendah. masa darjah 3. Sebab yer kena masuk Pendidikan khas tu darjah 3. -R4

e) Berkomunikasi dengan guru

Antara peranan yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa ialah menjaga hubungan dengan guru. Kesemua responden menyatakan bahawa mereka sentiasa berhubung dengan guru untuk bertanya tentang keadaan anak mereka. Melalui itu juga, ibu bapa boleh mengetahui kaedah pembelajaran anak di sekolah. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Saya sentiasa berhubung dengan pihak sekolah. Ada ustaz cungkil bakat dia. Ustaz minta izin untuk bawa masuk pertandingan. Saya sebagai ibu mengiyakan sahaja asalkan yang terbaik untuknya. -R1

Pihak sekolah sentiasa update perkembangan dia ni dari semua perkara sama ada dari segi hafazan, perangai dan sebagainya. Di pondok ni juga setiap pelajar ada buku disiplin. Ustaz di pondok suruh dia berkawan dengan orang yang tahu baca al-Quran sebab dia mudah ingat. Jadi dia belajar dengan cara ikut kawan atau dengar kawan baca sebab dio memang tidak mengenal -R2

Ada juga cikgu berhubung dengan akak melalui medium whatsapp tentang keadaan dia. Selain tu berhubung ketika cikgu suruh amik rekod peperiksaan. Kalau di taska dulu dia memang guna iqra' yang kebiasaan tu. Ada juga buku bacaan surah surah juzuk 30. -R3

Dia kalu di kelas Pendidikan khas tu kira ye kelas pertama. Kelas untuk orang hok okay sikit. Kira kalu gi amik ye kat sekolah memang berbual laa nga cikgu ye. Biasanya jumpa waktu temu murni gitu. -R4

f) Menetapkan kaedah pengajaran al-Quran di rumah

Setiap ibu bapa mempunyai cara tersendiri untuk mengajarkan al-Quran kepada anak mereka. Dapatan menjelaskan bahawa anak bagi R1 lebih suka mendengar pengajaran al-Quran di sekolah berbanding di rumah. Hal ini kerana anaknya sudah selesa dengan ustaz dan keadaan di sekolah. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Bila dia di rumah, dia tanak belajar dengan saya. Dia lebih suka belajar di sekolah. Kalau di rumah, dia akan marah saya. Dia banyak belajar melalui mendengar sama ada youtube dan radio al-Quran. Dia mendengar dan menghafal. Melalui tu, dia kenal, baris, ayat dan surah. Kiranya selain sekolah, dia belajar melalui telefon. -R1

R3 dan R4 menyatakan bahawa mereka sebagai ibu bapa telah menetapkan waktu dan kaedah pengajaran al-Quran di rumah iaitu selepas waktu *maghrib*. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Sebelum ni abah dia memang ajar laa iqra' ni. Antara kaedah yang diterapkan ialah setiap kali baca tu hanya 1 muka surat tapi ulang 2 kali. Sebab kalau banyak banyak dia jadi tak ingat. Biasanya abah dia akan ajar iqra' lepas waktu maghrib. -R3

Sekarang ni sehari 2 muka sebab dia nak cepat. Alhamdulillah dia memang boleh baca Quran. Biasanya lepas maghrib. Sebab pagi tu ye memang gi sekolah. -R4

g) Memantau tahap pencapaian anak dalam pembelajaran al-Quran  
Ibu bapa perlu memantau pencapaian anak dalam pembelajaran al-Quran. R1 dan R2 menyatakan bahawa pencapaian anaknya dalam al-Quran sangat lemah kerana tidak mengenal dengan baik, tapi mahir dari segi ingatan ayat al-Quran. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Pencapaiannya sederhana, Contoh dia masuk pertandingan taranum. Sehingga kini dia masih ingat ayat al-Quran dan lagu lagu taranum yang di dengar. – R1

Kalau dari segi pemerhatian mok ianya sangat lemah sebab tidak mengenal tapi kalau ingatan tentang al-Quran mudah ingat dan agak laju hafalannya. -R2

Manakala R3 dan R4 menyatakan pencapaian anaknya sangat baik dengan keupayaan yang dimilikinya. Mereka mampu mengenal al-Quran dengan baik. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Sekarang ni bacanya pada iqra' 5. Kiranya pencapaiannya sederhana. Tidak laju dan tidak perlahan. -R3

Sederhana. Tidak laju sangat. Sebab kalau bab tajwid macam dengun, mad asli, tanwin ke yer memang boleh ikut kita ajor. Saya kena guna Quran yang berwarna nok suruh mudah macam yang tanda hijau, purple dn lain lain. -R4

h) Memberi sokongan dan mengenal pasti bakat yang dimiliki oleh anak  
Setiap anak istimewa telah dianugerahkan oleh Allah SWT kelebihan yang tertentu dalam diri mereka. R2 dan R3 telah menjelaskan sokongan yang diberikan untuk anaknya supaya terus untuk semangat untuk belajar al-Quran. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Mak nok ajar dio tiada ilmu mano, jadi suruh mak suruh orang ajar contohnya atar ke jiran sebelah sebab dio ngajar ngaji dan atar di pondok. Mak telefon sokmo dia, bagi duit belanja upah membaca al-Quran. Masak makanan hok dia suko, setiap hujung minggu mak bawa semua family jumpe dio. -R2

Kak tidak paksa suruh dia masuk pertandingan. Tapi pada waktu lapang kak suruh dia baca surah surah pendek dalam juzuk 30. Biasanya kak akan beli mainan sebagai tanda hadiah dia, Kak tanya keadaan dia kat sekolah gano. -R3

R1 dan R4 dalam temubual menyatakan kegembiraannya kerana anaknya dipilih untuk menyertai pertandingan hafazan peringkat daerah dan negeri. Hasil temubual adalah seperti berikut:

Saya bagi masuk pertandingan hafazan peringkat sekolah, Daerah. Cuma saya risau untuk lepas dia jauh kerana dia tak boleh berada dalam suasana yang lain selain dari rumah. Apa sahaja yang pihak sekolah beri/anjur saya izinkan dia masuk sebab dari sudut kesihatan dia sihat. Cuma emosi dia kadang-kadang tak stabil. Contoh minggu lepas dia pergi lawatan di Cameron, saya izinkan sebab dia memang dengan dengar cakap cikgu dan tidak mengamuk -R1

Cikgu nilai kat sekolah bakat dia masa sekolah menengah. Nampak macam bahagian Quran ni ye pandai. Kira dia ni wakil sekolah hafazan peringkat Negeri. Saya anggap dia anak biasa bukan anak



pendidikan khas. Ada waktu terluang tu saya memang ajak dia untuk mengaji. Kena tegas sikit - R4

## **Perbincangan**

Antara peranan ibu bapa ialah mengenalpasti ketidakupayaan yang dimiliki oleh anak. Ibu bapa perlu memantau perkembangan mental dan fizikal anak mereka sejak dari lahir. Ini kerana jika didapati berlaku perkara di luar kebiasaan daripada anak normal, mereka boleh melakukan beberapa usaha awal untuk membantu mereka. Kanak-kanak bekeperluan khas berbeza dalam aspek ciri-ciri mental, keupayaan sensori atau deria, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial dan ciri-ciri fizikal (Jamila, 2005). Setiap kategori anak masalah pembelajaran mempunyai simptom-simptom yang berbeza. Jika perkara ini tidak diberi perhatian, kehidupan mereka akan tidak terurus dan tidak mendapat perkara yang selayaknya dimiliki oleh mereka seperti Pendidikan, bantuan kebajikan, bantuan kewangan dan sebagainya. Bantuan yang disediakan sedikit sebanyak dapat menampung keperluan mereka untuk memperoleh penyelesaian dalam meneruskan kehidupan.

Kesejahteraan cukup bermakna bagi kanak-kanak bekeperluan khas, ia merangkumi aspek-aspek yang berbentuk material seperti kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada (Ilmee, 2020). Antara perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa sebagai usaha awal ialah merujuk kepada doktor pakar dan melakukan intervensi awal untuk mengesan perkembangan anak. Intervensi awal membolehkan ibu bapa mengetahui keadaan anak dari awal kerana ianya akan disahkan oleh doktor pakar. Ibu bapa mestilah berinteraksi dengan anak dengan baik. Setiap anak istimewa mempunyai emosi yang tidak tentu. Mereka perlu mengelakkan daripada menggunakan nada suara atau tindakan yang bersifat keras atau kasar apabila berinteraksi dengan mereka. Semasa memberikan penerangan, gunakan bahasa yang mudah dan senang difahami dengan kadar percakapan yang perlahan (Nadhir, 2016). Adakalanya, mereka memerlukan penerangan berulang untuk mereka fahami. OKU Masalah Pembelajaran lebih mudah memahami sesuatu perkara menerusi visual, tunjukkan cara atau proses sesuatu perkara itu kepada mereka (Nadhir, 2016). Selain itu ibu bapa mestilah sentiasa bertanya bentuk keperluan yang mereka perlukan. Dengan ini, mereka akan berasa selesa dan tenang tanpa sebarang ketakutan dalam diri mereka. Anak istimewa ini jika dilatih dengan aktiviti yang bermanfaat seperti membaca al-Quran, solat dan kerja-kerja ringan, mereka akan menjadikan perkara tersebut sebagai rutin harian.

Seterusnya, Ibu bapa hendaklah menghantar sekolah yang sesuai dengan keupayaan anak. Anak merupakan amanah Allah SWT untuk dididik dan dibentuk. Kesedaran kepentingan pendidikan awal ke atas anak merupakan perkara yang penting kerana ia dapat membantu membangunkan kemahiran kognitif, kreatif dan membentuk keyakinan anak terhadap sesuatu perkara. Selain daripada mendapat pendidikan, kanak-kanak akan belajar cara bersosial dengan rakan sebaya mahupun dengan orang yang lebih berumur daripada mereka seperti guru. Melalui akta Orang Kurang Upaya (2008), telah termaktub bahawa golongan ini mempunyai akses kepada Pendidikan dan tidak boleh dikecualikan daripada sistem Pendidikan seperti prasekolah, rendah, menengah dan tinggi. Pendidikan anak Orang Kurang Upaya telah diperkasa apabila kerajaan memperkenalkan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) melalui program khas integrasi untuk murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran (Effendi Hashim et al. 2022). Sememangnya urusan mendidik perlu diberikan kepada semua anggota masyarakat tanpa mengambil kira aspek sosial, ekonomi, latar belakang budaya, gender atau tahap kemampuan seseorang individu itu.

Antara peranan lain ialah ibu bapa perlu memotivasikan anak dalam pembelajaran al-Quran. Penerimaan mereka ke atas Pelajaran al-Quran sangat baik. Walaupun tidak lancar seperti

kanak-kanak normal yang lain, mereka boleh membaca, memahami dan menghafal dengan betul. Terdapat empat fasa dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar keperluan khas iaitu kenal, hafal, baca dan menerangkan makna al-Quran (Norakyairee Mohd Raus, 2019). Peranan yang dimainkan oleh guru juga membantu anak istimewa ini gemar untuk mempelajari al-Quran. Muhammad Sayuti Sabdan et al. (2020), juga menjelaskan antara kaedah dan teknik yang sesuai diaplikasikan kepada anak keperluan khas ialah *tikrar* (berulang-ulang), latih tubi dan *talaqqi musyafahah*. Semestinya Pendidikan al-Quran sangat penting kepada anak istimewa ini. Hal ini disebabkan keadaan psikologi mereka akan berada dalam tenang dan lebih mudah dikawal. Berdasarkan surah al-Ra'd ayat 28:

اللَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram.

Menjaga hubungan dengan guru kelas juga penting untuk mengetahui perkembangan anak sewaktu di sekolah. Ini kerana pendidikan awal sememangnya memerlukan kerjasama yang erat oleh kedua-dua pihak. Mereka boleh menggunakan medium seperti whatsapp, telegram dan sebagainya untuk berkongsi maklumat tentang anak mereka sama ada berkenaan dengan pelajaran, hal kesihatan dan sebagainya. Mereka boleh sama-sama berkongsi pendapat untuk memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak. Hubungan ini juga membolehkan ibu bapa mengetahui tahap pelajaran anak di sekolah. Penyertaan ibu bapa dalam dunia sebenar pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah mahupun sekolah sedikit sebanyak membantu ibu bapa dalam penyediaan bahan pembelajaran untuk anak-anak (Paezah & Faridah 2017).

Kaedah pengajaran al-Quran di rumah juga perlu ditetapkan. Setiap ibu bapa perlu tegas mendidik anak terutamanya dalam membaca al-Quran. Ibu bapa merupakan individu yang sering berkomunikasi dengan anak-anak mereka apabila berada di luar sekolah. Ini membuktikan bahawa anak-anak akan lebih memahami atau lebih mengikuti apa jua pertuturan yang dikeluarkan oleh ibu bapa mereka di rumah. Anak Istimewa ini kebiasaannya akan terbiasa dengan rutin yang diajar oleh kepada mereka. Oleh itu, mereka boleh menetapkan masa dan kaedah yang boleh digunakan untuk mereka membaca al-Quran. Perkara ini menjadikan mereka lebih berdisiplin dan boleh mengikuti arahan ibu bapa dengan baik. Ibu bapa juga akan lebih peka tentang perkembangan anak.

Sudah menjadi kewajipan bagi para ibu bapa untuk mengetahui perkembangan bacaan Iqra' atau al-Quran anak mereka. Ini kerana ianya boleh dijadikan penanda aras bagi pembelajaran al-Quran. Sebagai contoh walaupun pencapaian anak dalam sangat lemah kerana tidak dapat mengenal huruf dengan baik, namun mampu menghafal ayat al-Quran. Ini menunjukkan ciri-ciri yang dialami bagi kanak-kanak kategori disleksia. Anak disleksia sukar mengenal sesuatu huruf sama ada abjad, nombor ataupun huruf hijaiyah. Pengeliruan huruf akan menyebabkan kemahiran mengeja kanak-kanak lemah dan ejaan mereka sering tidak konsisten. Setiap kategori anak masalah pembelajaran mempunyai tahap pencapaian yang berbeza. Justeru itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mengetahui aras kebolehan anak mereka dalam bidang al-Quran. Mereka boleh memikirkan idea lain untuk menerapkan Pendidikan al-Quran dalam diri anak istimewa ini.

Akhir sekali, sokongan yang diberikan oleh ibu bapa mampu mengubah kehidupan anak. Keterlibatan dan sokongan ibu bapa dalam proses Pendidikan amatlah penting bagi membentuk konsep sendiri anak-anak mereka (Sharif et al. 2017). Ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan dan aspirasi kepada anak-anak boleh memberi kesan yang baik terhadap perkembangan anak dari segi mental dan fizikal. Antara jenis sokongan yang boleh diberikan kepada anak ialah menyediakan tempat tinggal dan pakaian yang selesa, makanan yang mencukupi dan Pendidikan

yang seimbang antara *duniawi* dan *ukhrawi*. Terdapat anak yang telah terpilih untuk mewakili sekolah di peringkat negeri atau daerah dalam pertandingan hafazan, taranum dan azan. Ini jelas menunjukkan bakat yang dianugerahkan oleh Allah kepada anak istimewa ini. Mereka mempunyai daya ingatan yang kuat. Sebagai ibu bapa, sokongan yang kuat perlu diberikan kepada anak dalam semua sudut.

## **KESIMPULAN**

Pendidikan al-Quran merupakan tunjang penting bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang terbaik. Walaupun anak masalah pembelajaran ini mempunyai keupayaan yang terbatas, mereka tetap perlu diajar tentang al-Quran sekadar yang termampu dilakukan oleh mereka. Asas ilmu fardhu ain juga perlu difahami dengan baik oleh ibu bapa untuk diajarkan kepada anak. Jika peranan-peranan yang seharusnya dimainkan oleh ibu bapa dipikul dengan baik, statistik anak masalah pembelajaran akan berkurang. Anak istimewa ini berhak mendapat pendidikan yang secukupnya untuk meneruskan kehidupan di kemudian hari. Melalui pembelajaran al-Quran, sifat anak istimewa ini akan menjadi tenang dan tidak agresif. Hal ini kerana dengan membaca al-Quran hati mereka akan tenang. Perkara ini membolehkan ibu bapa mengetahui bakat yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Justeru itu, Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mendidik anak mereka tentang Pendidikan al-Quran. Mereka juga boleh menggunakan kreativiti atau memberi ganjaran yang boleh menarik minat anak terhadap al-Quran.

## **Penghargaan**

Makalah ini adalah sebahagian daripada kajian di peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam (Program al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam UKM.

## **Sumbangan Pengarang**

Artikel ini telah dilakukan secara bersama-sama daripada awal draf sehingga diterbitkan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

## **Konflik Kepentingan**

Tidak berkenaan

## **Deklarasi Penggunaan AI**

Tidak berkenaan

## **Rujukan**

- Ahmad Razuan, S. R., Mohd Raus, N., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Mohamed Yusoff, A., Ja'afar, N. & Muhamad, N. A. F. 2019. Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *Abqari Journal* 20(2): 78–98.
- Effendi Hashim, K., Mohammad, N., Mohd Raus, N., Pengajian Islam Kontemporari, A., Teknologi MARA, U., Alam, S. & Pengajian Quran dan Sunnah, F. 2022. Kelestarian Pendidikan Anak Kurang Upaya: Pandangan Daripada Perspektif Maqasid Syariah Memelihara Akal dan Intelektual (Hifz. *Myjms.Mobe.Gov.My*(December).
- Farqhan, E., Esme, Z., Ishak, H., Ismail, A. & Islam, F. P. 2022. Pengajaran Al-Quran Terhadap Kanak-Kanak Sindrom 8(1): 13–25.
- Hamid, Z. A. & Ahmad, A. 2011. Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2): 31–40.
- Hashim, I. I., Kusrin, Z. M. & Islam, F. P. 2019. Konsep pengabaian dan kecuaihan kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga di malaysia the concept of child neglect by parents and guardians in malaysia 7(1): 57–70.

- Izzah Nur Aida Zur Raffar, S. H. H. & A. I. 2019. Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Keibubapaan Menurut Perspektif Islam. *Asian Journal of Civilizational Studies* 1(1): 67–76. Retrieved from <http://www.ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/17/18>.
- Ismail, W., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Saleh, N. & 2021. Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *International Convention On The Basic Structure Of Constitution (ICOBAC)* (March 2022): 212–222.
- Ilmee, M. 2020. Pengaruh Penglibatan Bapa dalam Program Intervensi awal untuk kanak-kanak keperluan khas 1: 1982–2004.
- Jamila K. A. Mohamed .2005. Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Md Yusoff, Y. & Awang, A. 2019. Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran. *Journal of Usuluddin* 47:105118.
- Mardhiyyah Zamani & Nurazan Mohamad Rouyan. 2016. Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi “ Kisah Seorang Anak Kampung .” *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(2): 106–115.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari. 2020. Keperluan pembangunan modul pedagogi surah al-Fatihah dan tiga Qul berasaskan teknologi untuk pelajar pekak di kolej vokasional. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 13-26.
- Nadhir, M. 2016. Panduan Memberi Sokongan dan berinteraksi dengan Orang Kurang Upaya (OKU), hlm. Vol. 01.
- Norakyairee Mohd Raus. 2019. Amalan pengajaran al-quran dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah kebangsaan pendidikan khas (penglihatan) di Malaysia. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md. Sabil, Marzani Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi, & Zullaili Hason. .2021. Pengaruh Didik Hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCs)*, 3(1), 45-57. <http://www.ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/64>
- Othman, N. F., Kadir, M. N. A. & Hussin, H. 2019. Perkembangan Pengajian Tafsir al-Quran di Terengganu: Sorotan Tokoh. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 55–68. Retrieved from <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/90>
- Paezah, A. H. & Faridah, Y. 2017. Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (2017)9.
- Sharif, Z., Gunasegaran, B. & Karuppannan. 2017. Sokongan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Pendidikan Khas. *Publication. Seameosen. Edu. My* 2: 354–364.
- Sharifah Hayaati, Syed Ismail, S. B. A. 2021. Isu Kekeluargaan Dan Sosiobudaya Masa Kini: Punca Dan Penyelesaiannya Bagi Input Pelan Pembangunan Dakwah Di Malaysia 1(2): 1–20.
- Syed Mohamed, S. S. 2022. Kedudukan Taklif Dalam Perlaksanaan Ibadat Bagi Oku Masalah Pembelajaran, Pelbagai Dan Mental. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 126151.
- Ping Yee, L. & Mohd Ali, M. 2008. Amalan Program Intervensi Awal Kanak-Kanak Autistik Mengikut Perspektif Ibu Bapa. *Jurnal Pendidikan* 33: 19–33.
- Yahaya, M., Azman, A., Yusof, M., Bahrin, F. K. & Akhir, N. M. 2020. Halangan masyarakat dalam sistem penyampaian program pendidikan: satu kajian kes di baling, Kedah. *Journal of Social Work and Social Services* 1(2): 67–75.
- Wan Fakhurul Razi Wan Mohamad, Mohd Manawi Mohd Akib & Abdul Azis Awang. 2019. Pengajian Tafsir al-Quran di Pondok Moden Bachok: Satu Tinjauan Awal. *International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD)* (November): 262–269.